



PETIKAN **TITAH**



Pada kali ini, KAIB membawakan tema "**Membangun Masyarakat dan Perbandaran Islam Yang Mampan**". Beta melihat pembangunan perbandaran Islam itu sifatnya adalah menyeluruh, tidak hanya berupa pembangunan material atau fizikal, tetapi menekankan kemajuan yang seimbang lahiriah dan rohaniah. Pembangunan yang hanya mementingkan kemajuan fizikal semata-mata tidak akan bertahan lama.

Demikian itulah ketentuan sejarah, bagaimana kerajaan-kerajaan besar zaman silam runtuh kerana kemajuan yang dibangun tidak berpaksikan nilai-nilai *rabbani* yang kukuh. Lalu peradaban yang dibina sekian lama itu pun roboh, hanya tinggal menjadi ristaan sahaja.

Berdasarkan ketentuan dan pengalaman pahit inilah, kita tidak mahu memiliki perbandaran yang hanya dibangun dengan benda yang cepat malap dan luntur. Sebaliknya yang kita mahu ialah perbandaran Islam yang dibangun dengan nilai-nilai seimbang, benda dan rohani.

Kepulauan Borneo yang kaya dengan sumber alam, mesti kaya juga dengan sumber rohani, maka barulah kita akan dapat masyarakat berdaya tahan dan kuat untuk mendepani segala cabaran dan asakan zaman.

Sehubungan itu, Beta suka menyarankan supaya institusi pengajian tinggi Borneo dapat memainkan peranan untuk benar-benar menjadi lubuk ilmu yang bukan sahaja menawarkan program untuk memenuhi tuntutan semasa, tetapi juga mendidik dan mencorak anak bangsa menjadi insan seimbang.

Di sini, Beta melihat adanya keperluan bagi penubuhan sebuah pusat yang bertanggungjawab memelihara dan melestari manuskrip. Pusat itu nanti akan jadi sumber kajian berkaitan ugama, identiti, asal-usul, sejarah, tradisi dan legasi masyarakat rantau ini. Melalui aktiviti kajian dan penyelidikan manuskrip dapat diaktifkan. Hal ini mustahak kerana manuskrip adalah warisan atau khazanah yang menyimpan banyak ilmu serta pengetahuan yang bernilai.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV)



SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

MAJLIS PENUTUP PROGRAM PERTUKARAN PEMIMPIN BELIA REPUBLIK SINGAPURA-NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-9



SINGAPURA, Jumaat, 23 Zulkaedah 1445 / 1 Jun 2024 - Program Pertukaran Pemimpin Belia Republik Singapura-Brunei kali ke-9 yang dikendalikan bersama oleh National Youth Council (NYC) dibawah Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia, Republik Singapura dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam serta diselaraskan oleh Majlis Belia Brunei (MBB) selaku Rakan Strategik telah berlangsung selama lima (5) hari. Program ini melibatkan penyertaan seramai 30 orang pemimpin belia berusia antara 22 hingga 35 tahun dari kedua-dua negara terdiri daripada pelbagai latar belakang profesional berkaitan hal ehwal belia dalam bidang Pendidikan, Kepimpinan, Keusahawanan, Pembangunan Komuniti dan Belia, Sains dan Kesihatan serta Kesukarelawanan.

Yang Mulia Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) dan beberapa pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga membuat lawatan kerja ke Outward Bound Singapura, Pulau Ubin, The Red Box, National Youth Council, Bird Paradise – Mandai Wildlives Reserve dan seterusnya menghadiri Majlis Penutup bagi Program Pertukaran Pemimpin Belia Republik Singapura-Negara Brunei Darussalam Kali Ke-9.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA



MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA

Isnin, 3 Jun 2024 di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



کمٹیٰ کوچولیٰ بلادن سکن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGERI BRUNEI DARUSSALAM

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Zulkaedah 1445 / 3 Jun 2024 - Seramai 12 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Kampong Setia B dan rumah roboh Kampong Peramu yang berlaku pada 11 Mei 2024 telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



کمٹیٰ کوچولیٰ بلادن سکن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGERI BRUNEI DARUSSALAM

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

SESI INTERAKSI BERSAMA BEKAS PELATIH-PELATIH PUSAT PEMBANGUNAN BELIA (PPB)



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25

Zulkaedah 1445 / 3 Jun 2024 — Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berkesempatan berjumpa dengan beberapa belia tempatan yang berkhidmat di Tarindak D'Seni.

Belia-belia tersebut merupakan bekas pelatih-pelatih yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam Kursus Level 2 Diploma in Food Preparation and Culinary Arts – Patisseries dan Kursus Skills Proficiency Certificate Basic Food Preparation, di Pusat Pembangunan Belia pada hujung bulan Mei 2024.

Orang ramai yang berminat untuk mengikuti kursus-kursus yang diadakan di PPB, bolehlah menghubungi PPB di talian 2392681 / 2 atau layari sosial media PPB di Facebook: Pusat Pembangunan Belia dan Instagram: [@pusat_pembangunan_belia](#)



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN DARIPADA JABATAN PERDANA MENTERI BAGI TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Zulkaedah 1445 / 4 Jun 2024 - Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penasihat-penasihat Bersama Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah menerima sumbangan daripada Jabatan Perdana Menteri bagi tabung berkenaan bertempat di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, yang berjumlah **Dua Puluh Empat Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Satu Ringgit dan Lima Sen (BND 24,871.05)**.



MAJLIS PELANCARAN PAMERAN IMBAUAN SILAM DAN SEKARANG OLEH YANG MULIA DAYANG HUIFONG NG



MAJLIS PELANCARAN: PAMERAN IMBAUAN SILAM DAN SEKARANG
Rabu, 5 Jun 2024 di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliaansukan)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliaansukan)

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Zulkaedah 1445 / 5 Jun 2024 - Jabatan Muzium-Muzium melalui Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja mengadakan Pameran Imbauan Silam Dan Sekarang oleh Yang Mulia Dayang Huifong Ng selaku artis solo jemputan. Majlis Pelancaran bagi pameran ini diadakan di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia, Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliaansukan)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kementeriankebudayaanbeliaansukan)


Sambungan Muka Surat 7



MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 1445H/2024M PERINGKAT AKHIR

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Zulkaedah 1445 / 6 Jun 2024 - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445H/2024M Peringkat Akhir telah berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS yang dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Yang Mulia Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd. Rajid dan Yang Mulia Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abd. Rajid masing-masing dinobatkan johan qari dan qariah pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1445 Hijrah / 2024 Masihi Peringkat Akhir.



MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADAMANGSA BENCANA



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Zulkaedah 1445 / 8 Jun 2024 – Seramai **60 orang ketua keluarga** yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran dan tanah susur telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis berlangsung di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



LAWATAN DARIPADA YANG BERHORMAT SHIRLEY BOTCHWEY, MENTERI HAL EHVAL LUAR NEGERI DAN INTEGRASI SERANTAU, REPUBLIK GHANA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Zulkaedah 1445 / 8 Jun 2024 - Bersempena dengan lawatan rasmi ke Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Shirley Botchwey, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Integrasi Serantau, Republik Ghana dan rombongan berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Ketibaan Yang Berhormat Shirley Botchwey dan rombongan dialu-alukan oleh Yang Mulia, Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengarah Muzium serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium-Muzium.



LAWATAN DARIPADA YANG BERHORMAT SHIRLEY BOTCHWEY,
MENTERI HAL EHVAL LUAR NEGERI DAN INTEGRASI SERANTAU, REPUBLIK GHANA
Sabtu, 8 Jun 2024 di Muzium Alat Kebesaran Diraja, BSB


www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://facebook.com/kementeriankebudayaanbeliasokuskan)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://facebook.com/kementeriankebudayaanbeliasokuskan)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://facebook.com/kementeriankebudayaanbeliasokuskan)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://facebook.com/kementeriankebudayaanbeliasokuskan)



KUNJUNGAN PERPISAHAN TUAN YANG TERUTAMA JOHN VIRGOE, PESURUHJAYA TINGGI BRITISH KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KUNJUNGAN PERPISAHAN

Isnin, 10 Jun 2024 di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/kkbsbrunei)

BANDAR SERI BEGAWAN,

Isnin, 3 Zulhijjah 1445 / 10

Jun 2024 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan perpisahan daripada Tuan Yang Terutama John Virgoe, Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PEMBERDAYAAN BELIA MELALUI MAQASID SYARIAH: LANGKAH MENUJU WAWASAN BRUNEI 2035



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Zulhijjah 1445 / 11 Jun 2024— Seramai 100 belia telah menyertai program Maqasid Syariah: Empowering Transformative Advocacy yang dianjurkan oleh ASEAN Youth Advocates Network Brunei Darussalam (AYAN Brunei) dengan kerjasama Majlis Belia Brunei dan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Pejabat Wawasan Brunei pada Selasa, 11 Jun 2024 di Dewan Santap, Pejabat Perdana Menteri.

Program ini bertujuan untuk melengkapkan para pemimpin muda dengan pengetahuan dan kemahiran untuk memacu perubahan yang berkesan melalui prinsip-prinsip Maqasid Syariah, yang selaras dengan aspirasi nasional Brunei Darussalam di bawah Wawasan Brunei 2035 berserta Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan (SDGs) Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.


Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Sambungan Muka Surat 13



PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT KEHORMATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-77 TAHUN



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Zulhijjah 1445 / 12 Jun 2024 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun, kepada 664 penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan.

Berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azeemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azeemah Ni'matul Bolkiah berkenan mendahului pengurniaan pingat-pingat bagi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K).

Turut dikurniakan dan menerima P.J.K ialah seramai tujuh penerima dari Sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT KEHORMATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-77 TAHUN



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Zulhijjah 1445 / 13 Jun 2024 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun kepada 667 penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan.

Berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan NBD selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama pada Istiadat Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan NBD yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Seramai 23 penerima dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dikurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.).

PERLAWANAN HOKI PERSAHABATAN SEMPENA ULANG TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN KANADA



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Zulhijjah 1445 / 16 Jun 2024 - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kanada yang Ke-40 Tahun, Suruhanjaya Tinggi Kanada ke NBD menganjurkan Perlawanan Hoki Persahabatan Hockey Morning@Bandarku Ceria, pagi tadi, di ibu negara.

Hadir menyaksikan perlawanan hoki tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Juga hadir dan menyertai perlawanan tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Perlawanan tersebut turut disertai para peminat hoki di negara ini dan orang ramai yang berkunjung ke Program Bandarku Ceria.

Antara pihak yang terlibat ialah para jurulatih dari Omni Sports International, sebagai pengajur bersama, bagi memberi bantuan serta tip kepada para peserta; dan Inline Skate Brunei yang mengadakan demonstrasi permainan hoki jalanan atau 'street hockey'.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie melahirkan rasa gembira atas penglibatan suruhanjaya tersebut dalam Program Bandarku Ceria, selain memperkenalkan permainan 'street hockey' di negara ini.

Menurut Puan Yang Terutama, permainan tersebut adalah aktiviti yang biasa dilakukan oleh golongan kanak-kanak dan dewasa di Kanada.

Acara tersebut juga turut ditaja oleh OPTIMAS, Brunei Sports Network, Frame Lens Optical dan Brunei Floorball.

MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT LANTIKAN BAGI PROGRAM BIASISWA ANAK YATIM



BERAKAS, Ahad, 11 Zulhijjah 1445 / 18 Jun 2024 –Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan bagi Program Biasiswa Anak Yatim bagi Tahun Akademik 2023 dan Tahun Akademik 2024 kepada 4 orang anak-anak yatim yang terpilih untuk mengikuti Program BIBD ALAF dengan dibiayai melalui dana Tabung Anak-anak Yatim di bawah JAPEM. Majlis berlangsung di Bilik Kunjungan, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penyampaian surat lantikan tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Hajah Nor Ashikin Binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis serta pegawai-



LAWATAN DARI PESERTA PROGRAM FUTURA LIDER BA ASEAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Zulhijjah 1445 / 19 Jun 2024 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Sekretariat Kebangsaan bagi ASEAN Socio Cultural Community (ASCC) / Senior Officials Committee for the ASEAN Socio-Cultural Community (SOCA) telah menerima kunjungan seramai sepuluh (10) orang peserta Program Futura Lider Ba ASEAN (Leadership Programme for Young and Future Leaders of Timor-Leste for ASEAN) yang dalam rangka lawatan ke Negara Brunei Darussalam bermula 16 hingga 26 Jun 2024.

Taklimat diadakan di Dewan Cita Budaya, Aras Bawah Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir di sesi taklimat berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Tuan Yang Terutama Abel Guterres, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam.



KUNJUNGAN HORMAT DARI ROMBONGAN PROMOSI SUKAN MALAYSIA (SUKMA), XXI, SARAWAK 2024



KUNJUNG HORMAT DARI ROMBONGAN PROMOSI
SUKAN MALAYSIA (SUKMA), XXI, SARAWAK 2024

19 Jun 2024 di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS

www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [@kkbs_brunei](https://kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)


BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13

Zulhijjah 1445 / 20 Jun 2024— Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohammad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat dari Rombongan Promosi Sukan Malaysia (SUKMA), XXI, Sarawak 2024.

Rombongan diketuai oleh Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, merangkap Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, disertai Yang Berhormat Dato Gerald Rentap Jabu, Timbalan Menteri Belia Sukan dan Pembanguunan Usahawan Sarawak (Belia dan Sukan), dan Yang Berhormat Datuk Dr Ripin bin Lamat, Timbalan Menteri Belia Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (Pembangunan Usahawan).

Majlis berlangsung di Bilik Kunjungan, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kanan kedua-dua belah pihak.

MAJLIS IBADAH QURBAN MASJID KAMPUNG KILANAS



KILANAS, Khamis, 13 Zulhijjah 1445/20hb Jun 2024M - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas menganjurkan dan menunaikan Majlis Ibadah Qurban bersempena dengan Hari Raya Aidil Adha 1445H/2024M.

Majlis ini diungkayahkan dengan kerjasama dan kesepakatan Ahli Jawatankuasa Pandu/Kerja Majlis Ibadah Qurban.

Tetamu Kehormat adalah Yang Mulia, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, mengagih-agihkan daging-daging qurban kepada mereka yang ikut serta dalam majlis ini dan kepada jemputan-jemputan khas (Asnaf) disekitar Kampung Kilanas.



MAJLIS IBADAH KORBAN BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Zulhijjah 1445 / 20 Jun 2024 –

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir sama dalam majlis ini ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Jabatan, Pegawai dan Kakitangan KKBS dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.



Sebanyak 4 ekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini. Seramai 177 orang terdiri daripada penghuni Pusat Penempatan Sementara (PPS) dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), anak-anak yatim dan warga KKBS dan Jabatan -Jabatan di bawahnya menerima daging-daging korban berkenaan.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA SUJIRO SEAM, DUTA KESATUAN EROPAH KE ASEAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Zulhijah 1445 / 20 Jun 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Sujiro Seam, Duta Kesatuan Eropah ke ASEAN.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Bernard Regnault-Fabre, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

LARIAN HARI OLIMPIK 2024



LARIAN HARI OLIMPIK 2024
Ahad, 23 Jun 2024 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien,BSB

www.kkb.gov.bn @kbbi_Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkb.gov.bn @kbbi_Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkb.gov.bn @kbbi_Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkb.gov.bn @kbbi_Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Zulhijah 1445 / 23 Jun 2024 - Bersempena Hari Olimpik Sedunia yang jatuh pada 23 Jun setiap tahun, Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Larian Hari Olimpik 2024 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Acara Larian Hari Olimpik tersebut turut dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Duta-Duta Besar Istimewa dan Mutlak dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Larian Hari Olimpik dibahagikan kepada tujuh kategori berbeza berdasarkan jantina dan kumpulan umur yang ditetapkan iaitu Kategori 1: 1.8km Lelaki 12 tahun ke bawah (U-12); Kategori 2: 1.8km Perempuan 12 tahun ke bawah (U-12); Kategori 3: 1.8km Orang Kelainan Upaya; Kategori 4: 3km Veteran Lelaki Umur 60 tahun ke atas; Kategori 5: 3km Veteran Wanita Umur 60 tahun ke atas; Kategori 6: 5km Lelaki Terbuka; dan Kategori 7: 5km Wanita Terbuka.



www.kkb.gov.bn @kbbi_Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkb.gov.bn @kbbi_Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.kkb.gov.bn @kbbi_Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

YDP NEGERI SARAWAK KUNJUNGI MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA



**BANDAR SERI
Ahad, 16 Zulhijah 1445 / 23 Jun 2024—**

Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd Sanusi mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Turut mengiringi Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri Pengiring.

Hadir mengalu-alukan ketibaan rombongan ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan. Sebelum mengakhiri lawatan, Tuan Yang Terutama menandatangani buku lawatan dan menyertai sesi bergambar ramai.



TAKLIMAT ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP)



**BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 18 Zulhijah 1445 / 25 Jun 2024—**

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Taklimat Anugerah Inovasi Perdana bagi warga Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Taklimat diadakan di Dewan DiGadong, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Taklimat disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Rahimah binti Haji Mohd Yussof, Pegawai Perkhidmatan Pengurusan, dari Unit Inovasi, Bahagian Pembaharuan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri.

Hadir bersama bagi mendengarkan taklimat berkenaan ialah Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Jerayawara ini merupakan antara salah satu langkah pembarigaan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan bagi memberikan kefahaman lebih terperinci mengenai matlamat dan bidang tumpuan, syarat-syarat, ciri dan kategori Anugerah Inovasi Perdana.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TUAN YANG TERUTAMA FABIEN PENONE, DUTA BESAR PERANCIS KE ASEAN



KUNJUNGAN HORMAT
Rabu, 26 Jun 2024 di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS
🌐 www.kkbs.gov.bn 📱 kkbs_brunei 📱 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



🌐 www.kkbs.gov.bn 📱 kkbs_brunei 📱 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Zulhijah 1445 / 26 Jun 2024— Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Fabien Penone, Duta Besar Perancis ke ASEAN.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Bernard Regnauld-Fabre, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam dan Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan).

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.



🌐 www.kkbs.gov.bn 📱 kkbs_brunei 📱 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



🌐 www.kkbs.gov.bn 📱 kkbs_brunei 📱 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

MAJLIS PELANCARAN PESTA PENGGUNA (CONSUMER FAIR) KE-29



MAJLIS PELANCARAN PESTA PENGGUNA (CONSUMER FAIR) KE-29
Rabu, 26 Jun 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Zulhijah 1445 / 26 Jun 2024— Pesta Pengguna (Consumer Fair) kembali lagi bagi edisi ke-29, dengan pelbagai pilihan produk beraneka barang, perkhidmatan dan makanan bagi memenuhi cita rasa para pengunjungnya bermula 26hb-30hb Jun 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian majlis berkenaan ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Selain itu, Tetamu Kehormat turut merasmikan Pesta Besar Thailand 2024 bersempena dengan Pesta Pengguna (Consumer Fair) ke-29 bertempat di Dewan Sepakat Hall 3, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

MAJLIS PENYAMPAIAN PENGURNIAAN PINGAT KERJA LAMA (P.K.L)



MAJLIS PENYAMPAIAN PENGURNIAAN PINGAT KERJA LAMA (P.K.L)

Rabu, 26 Jun 2024 di Dewan Digadong, Bangunan KKBS

www.kkbs.gov.bn | @kkbs_brunei | Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Zulhijah 1445 / 26

Jun 2024 — Seramai 22 warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan seterusnya menyampaikan pingat-pingat berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MAJLIS MENGAGAI CALON PENERIMA ANUGERAH PENULIS ASIA TENGGARA 2023



MAJLIS MENGAGAI CALON PENERIMA
ANUGERAH PENULIS ASIA TENGGARA (THE S.E.A. WRITE AWARD)
BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TAHUN 2023

Jumaat, 28 Jun 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah

www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

TUTONG, Sabtu, 22 Zulhijah 1445 / 29 Jun 2024 — Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan bertanggungjawab selaku Urus Setia Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) bagi Negara Brunei Darussalam. Setiap tokoh penerima anugerah yang dipilih oleh panel penilai di negara masing-masing, dinilai berdasarkan hasil karya yang telah terbit mengikut genre yang ditetapkan oleh pihak pengajur di Bangkok, Thailand.

Seorang lagi penulis tanah air diangkat dan diiktiraf untuk menerima anugerah berprestij, iaitu Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award). Panel Penilai Anugerah Negara Brunei Darussalam telah sepakat memilih Kumpulan Sajak Warisan Abadi yang sekali gus mengangkat penulisnya, Yang Mulia Dr. Chong Ah Fok dengan nama pena beliau, Chong Ah Fok sebagai calon Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) bagi Negara Brunei Darussalam tahun 2023.



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



سلامت میمبوت هاری رای عیدالاضحی ۱۴۴۵

*Selamat Menyambut
Hari Raya Aidiladha
1445H*



Dan bagi tiap-tiap umat (sebelum kamu), Kami syariatkan ibadat penyembelihan korban supaya mereka menyebut nama Allah atas rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka daripada binatang ternakan. Maka Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Esa kerana itu berserah dirilah kamu kepadaNya dan sampaikanlah khabar gembira (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk ta'at (kepada Allah).

Surah Al-Hajj Ayat 34



www.kkbs.gov.bn



[@kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT AIDILADHA 1445H



Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan